

# BUAT AMAL WALAU BADAN RASA TERBAKAR

Selain beriadah peserta kumpul dana bantu lapan keluarga nelayan Kampung Pulau Che Soh, Tumpat, Kelantan

## JOM KAYUH

Mohd Azam Shah Yaacob  
mohdazam@hmetro.com.my

Badan rasa terbakar, kerongkong cepat terasa haus manakala kulit pula seakan-akan melecur. Namun, ia bukan pematah semangat bagi 700 peserta Kayuhan Amal dan Sihat (KASIH 6) yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor baru-baru ini.

Jika suhu musim panas pada masa kini menyebabkan ramai orang membatalkan aktiviti luar rumah, tapi bagi peserta KASIH 6, ia antara cabaran biasa yang perlu mereka tempuhi apabila terbabit dalam aktiviti berbasikal.

Mana tidaknya, dengan suhu panas mencecah 35 darjah Celsius, secara perlahan-lahan semua peserta berjaya menamatkan kayuhan anjuran Majlis Eksekutif Pelajar Kolej



AKSI peserta ketika berkayuh.



GELAGAT kru yang menjayakan KASIH 6.



PENGANJUR bergambar bersama maskot KASIH 6.



GELAGAT peserta ketika tiba di garisan penamat.

Burhanuddin Helmi dengan kerjasama Kelab Berbasikal UKM, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Arena Berbasikal Malaysia dan Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur (DPMM KL).

Bermula seawal jam 7 pagi lagi, kayuhan sejauh 36

kilometer yang dirasmikan oleh Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM, Prof Dr Mohd Rafhan Taha menuju ke Kompleks Perbadanan Putrajaya pada awalnya terasa sungguh nyaman hembusan angin pagi.

Namun, sekitar 10 pagi,